

05 DEC 1998

ALUMNI KOLEJ PERUBATAN KING EDWARD SAMBUT ULANGTAHUN KE-60

SINGAPURA, 5 Dis (Bernama) -- Persatuan Alumni Kolej Perubatan King Edward VII yang disertai Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah sebagai anggota kehormat, menyambut ulangtahun ke-60nya di sini malam tadi.

Walaupun Dr Mahathir dan isteri tidak menghadiri sambutan kali ini, mereka tidak dilupakan.

Prof N.Balachandran, 70, seorang doktor bedah ortopedik, memberitahu Straits Times mengenai Dr Mahathir, senior beliau satu tahun di kolej itu.

"Beliau amat pendiam ketika itu dan kami selalu berpendapat yang rambutnya panjang dan sepatutnya digunting. Pada masa itu beliau sudah mula cenderung ke arah politik," Balachandran dipetik sebagai berkata demikian.

Timbalan Perdana Menteri Singapura Tony Tan yang berucap pada majlis makan malam itu berkata Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah, yang turut belajar di kolej itu, telah menunjukkan sokongan mereka yang berterusan kepada persatuan alumni berkenaan dengan menyerikan pembukaan pusat barunya pada 1990 sebagai tetamu kehormat.

Seorang lagi warganegara Malaysia anggota alumni kolej itu ialah bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah Dr Wong Soon Kai.

Kolej Perubatan King Edward VII bergabung dengan Kolej Raffles pada 1949 menjadi Universiti Malaya.

-- BERNAMA

TCL RON